

SYARAT-SYARAT PENYAMBUNGAN KE SISTEM PEMBETUNGAN KERAJAAN

Sukacita pihak Jabatan ini **menbenarkan** bagi penyambungan paip pembetungan dari projek Tetuan ke lurang Kerajaan yang sedia ada iaitu ** lurang MH _____ / membina lurang baru NMH _____ di atas saluran paip pembetungan yang sedia ada (*over existing sewer line*) dengan mematuhi syarat-syarat berikut:-

1. Cadangan kerja penyambungan pembetungan hendaklah mengikut pelan yang telah diluluskan.
2. Tetuan adalah dipertanggongjawabkan bagi pengawasan dan kesempurnaan kerja-kerja penyambungan yang telah diluluskan termasuk membuat rekod catitan berserta gambar keadaan tapak dan luar/dalam lurang sebelum memulakan dan selepas kerja-kerja penyambungan.
3. Tetuan hendaklah melapurkan jika ada perubahan atau masalah keatas cadangan kerja penyambungan pembetungan yang telah diluluskan dengan segera.
4. a) Kerja-kerja penyambungan ke lurang Kerajaan yang sedia ada iaitu penebukkan dinding lurang / membina lurang baru di atas saluran paip pembetungan yang sedia ada (*over existing sewer line*) **TIDAK DIBENARKAN** sehinggalah kerja-kerja pembetungan di dalam kawasan projek Tetuan disahkan siap dengan memuaskan.
b. Jika kemajuan melibatkan pembinaan EMPAT (4) unit atau lebih rumah kediaman / bangunan komersial / industri dikehendaki lulus ujian tapak dengan menyerahkan salinan laporan ‘*Water Tightness and Light Tests*’ ke Jabatan Saliran dan Pembetungan, JKR.

Pihak Jabatan Saliran dan Pembetungan, JKR akan menbenarkan pihak Tetuan memulakan kerja penebukan dinding lurang / membina lurang baru di atas saluran paip pembetungan yang sedia ada setelah pemeriksaan di dalam kawasan projek dilaksanakan dengan memuaskan termasuk rekod lulus ujian tapak.

5. Pihak Orang Yang Layak (*Qualified Person*) dikehendaki menghadapkan permohonan untuk penebukkan dinding lurang / membina lurang baru di atas saluran paip pembetungan Kerajaan kepada Pengarah Saliran dan Pembetungan, Jabatan Kerja Raya sebelum kerja-kerja dilaksanakan dengan mengisi **Borang DDS-DCU 02 – online application** melalui Email : dcu.dds.@pwd.gov.bn dalam tempoh **TIGA (3) Bulan** sebelum membuat permohonan *Occupational Permit (OP)* ke pihak ABCi. Borang-borang permohonan disediakan di laman-laman sesawang Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan.
6. Sekiranya berlaku kerosakkan atau kecacatan keatas paip pembetungan dan/atau lurang sedia ada perpunca dari kerja-kerja yang telah dibuat, Tetuan hendaklah melaporkan dalam tempoh 24 jam dan semua perbelanjaan memperbaiki adalah tanggongjawab pihak Tetuan sendiri.
7. Jika lurang sediada mengalami masalah seperti dipenuhi dengan air kumbahan, pihak Tetuan dikehendaki untuk sertamerta memaklumkan ke Talian Darussalam 123.

8. Kerja-kerja penyambungan ke lurang Kerajaan hendaklah dilakukan oleh pemberong berdaftar dengan Kementerian Pembangunan serta mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja Sistem Pembetungan.
9. Kerja penyambungan paip hendaklah dilakukan dengan berhati-hati agar pecahan batu, simen, atau bahan-bahan binaan lain tidak masuk ke dalam saluran paip bagi mengelakkan kesumbatan dan masalah ke atas sistem pembetungan sedia ada.
10. Kebenaran untuk menggali (*Permit to Dig*) yang melibatkan simpanan dan atas jalan raya hendaklah dipohonkan kepada Jabatan Jalan Raya, JKR melalui ABCi dan kebenaran mengenainya hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
11. Semasa pembinaan tersebut dilaksanakan, Tetuan hendaklah memastikan kebersihan tapak kerja sentiasa terpelihara termasuk harta benda Kerajaan seperti jalan raya, paip air, longkang, parit, pagar dengan mematuhi garispandu "*Health Safety & Environment Manual*" Edisi 2012 Kementerian Pembangunan.
12. Setelah semua kerja-kerja penebukkan dinding lurang / membina lurang baru di atas saluran paip pembetungan Kerajaan selesai dilaksanakan, Pihak Orang Yang Layak (*Qualified Person*) hendaklah memaklumkan ke **Jabatan Saliran dan Pembetungan, JKR** dengan mengisikan Borang Notis Siap Kerja (**Borang DDS-DCU 03**) – **online application** melalui Email : dcu.dds.@pwd.gov.bn untuk **pemeriksaan** selanjutnya. Borang-borang permohonan disediakan di laman-laman sesawang Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan.
13. Menyerahkan salinan lukisan ‘*as-built*’ ke **Jabatan Saliran dan Pembetungan, JKR** setelah siap kerja penyambungan paip pembentungan mengikut cara berikut :-
 - a) Satu (1) set lukisan saiz A1 dan /atau A3 cetakan kertas putih yang jelas termasuk satu (1) set *softcopy*. Keperluan menghadapkan saiz lukisan dan *softcopy* salinan lukisan rekabentuk tertaklok kepada skala projek.
 - b) Satu (1) set *softcopy* gambar-gambar lurang Lot dan lurang Utama bahagian dalam dan luar berserta butir-butir pembinaan lurang.